



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 14 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

ISU/ADUAN

BIL	AKHBAR	TAJUK	TINDAKAN JABATAN
1.	BERITA HARIAN	KAMI RELA DISAMAN SETIAP HARI ASALKAN BERNIAGA DI TEMPAT ADA PELANGGAN	- PENGUATKUASA - PELESENAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MBSA DBKL	- TAX INCENTIVES - CAR FREE DAY - DBKL FLATS TO BE INSPECTED AFTER FIRE INCIDENT
2.	SINAR HARIAN	DBKL	DBKL SEDIAKAN RUMAH TRANSIT

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- UPGRADE OLD FACILITIES AT PUBLIC HOUSING - MINISTER PUSHES FOR NATIONWIDE FIRE HYDRANT CHECKS - CONCERNS OVER LOCATION OF TELCO TOWER
2.	KOSMO	CUACA PANAS DIJANGKA HINGGA Hujung MAC
3.	BERITA HARIAN	- KAJI IMPAK PELBAGAI ASPEK SEBELUM MANSUH PENCEN PENJAWAT AWAM - DEEP NILAI PRESTASI PENJAWAT AWAM
4.	UTUSAN MALAYSIA	- CUACA PANAS MELEBIHI 35 DARJAH SEHINGGA MEI - KONTRAK PENJAWAT AWAM BAHARU MUNGKIN SETAHUN - PEMILU: DASAR PEMBANGUNAN NUSANTARA BERI KELEBIHAN KEPADA MALAYSIA
5.	THE SUN	WIDESPREAD ILLEGAL DUMPING SERIOUS PROBLEM NATIONWIDE

Kami rela disaman setiap hari asalkan berniaga di tempat ada pelanggan...

Oleh **Azhar Shahrulnizam** - Februari 13, 2024 @ 4:55pm
bhnews@bh.com.my



Peniaga gerai di Puncak Jalil nekad berniaga di lokasi asal yang dikunjungi pelanggan sejak Disember lalu. NSTP/ AIMAN FARHAN

SERI KEMBANGAN: Sekumpulan 65 peniaga gerai di Puncak Jalil di sini sanggup membayar kompaun dua kali sebulan kepada penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) susulan tindakan mereka kembali berniaga di lokasi asal selepas enggan meneruskan perniagaan di lokasi ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang tersorok di belakang deretan kedai sehingga menjejaskan pendapatan harian.

Peniaga terbabit mendakwa tindakan MBSJ memindahkan mereka ke lokasi jauh di belakang premis perniagaan di Puncak Jalil sejak Jun tahun lalu bukan saja menyebabkan pendapatan harian jatuh merudum, malah mereka turut berdepan ancaman keselamatan akibat serangan nyamuk kerana lokasi itu bersebelahan kawasan semak, gangguan anjing liar dan tempat longgokan sampah yang berbau busuk serta laluan sempit.

Pengerusi Persatuan Peniaga Puncak Jalil, Muhammad Amir Ali, berkata beberapa siri mesyuarat antara peniaga terbabit bersama pihak MBSJ diadakan dengan perjumpaan terakhir dibuat pada Disember lalu, tetapi kebenaran untuk mereka berniaga di lokasi asal iaitu di Jalan PUJ 3/9 dan Jalan PUJ 3/13 masih belum ada keputusan dengan alasan ia akan menimbulkan masalah parkir.

Susulan itu, beliau berkata, MBSJ bertegas meminta peniaga gerai beroperasi di lokasi pemindahan di Jalan PUJ 3/3 dan Jalan PUJ 3/7 serta kegagalan mematuhi akan dikenakan tindakan saman.

Kami rela disaman setiap hari asalkan berniaga di tempat ada pelanggan...

Oleh Azhar Shahrulnizam - Februari 13, 2024 @ 4:55pm
bhnews@bh.com.my



Pengerusi Persatuan Peniaga Puncak Jalil, Muhammad Amir Ali

"Sejak dipindahkan ke lokasi yang agak tersorok itu sejak Jun tahun lalu, kami mengalami kerugian teruk kerana lokasi itu tidak dikunjungi pelanggan. Ada peniaga yang tidak mampu langsung membayar kereta dan rumah kerana tiada jualan.

"Susulan itu, pada Disember lalu, kami nekad mengambil keputusan untuk berniaga semula di kawasan asal ini demi kelangsungan hidup yang semakin terhimpit walaupun dikenakan saman oleh MSBJ pada setiap bulan," katanya ketika ditemui BH.

Muhammad Amir berkata, tindakan dilakukan peniaga itu bukan untuk melawan MBSJ, sebaliknya bagi mencari rezeki untuk menampung perbelanjaan keluarga yang semakin sukar terutama selepas pandemik COVID-19.

Beliau berkata, sepanjang enam bulan berniaga di lokasi yang dipindahkan MBSJ itu, peniaga merungut kerana pelbagai masalah dihadapi dan perbincangan diadakan dengan pihak terbabit tetapi tiada penyelesaian mengenainya sehingga kini.

"Berapa lama kami boleh bertahan berniaga di tempat yang tiada pelanggan sedangkan hujung bulan kita perlu membayar sewa rumah, tanggungan keluarga, bil api dan air.

"Kami sangat berharap MBSJ meneliti masalah ini kerana semua peniaga memiliki lesen. Saya sendiri berniaga di sini sejak 2019 tetapi sedih jika terus dipaksa berniaga di lokasi itu kerana tiada sambutan.

"Sebagai contoh, dalam tempoh sehari berniaga di lokasi asal ini, saya boleh menjual enam kilogram kuih cakoi berharga RM200, tetapi di tapak niaga di belakang kedai itu, saya hanya mampu memperoleh kira-kira RM60 dan lebih tepung terpaksa dibuang kerana tak boleh disimpan lama," katanya.

Muhammad Amir berkata, Datuk Bandar Subang Jaya membenarkan mereka berniaga di lokasi asal di Jalan PUJ 3/13 sementara perbincangan diadakan dengan ahli majlis untuk menentukan sama ada peniaga layak atau tidak diberi lesen berniaga di situ.

Katanya, sementara menunggu keputusan itu, peniaga diberi kompaun beberapa kali dan mereka terpaksa menganggap kompaun dikenakan itu sebagai bayaran duit sewa tapak.

"Kami dikompaun saman RM80 tetapi sanggup membayarnya kerana lokasi ini ramai pelanggan," katanya.



Kami rela disaman setiap hari asalkan berniaga di tempat ada pelanggan...

Oleh Azhar Shahrulnizam - Februari 13, 2024 @ 4:55pm

bhnews@bh.com.my



Lokasi perniagaan di tapak bersema, tersorok dan berbau busuk yang kurang dikunjungi, menyebabkan pendapatan peniaga merosot. NSTP/ AIMA FARHAN

Sementara itu, peniaga takoyaki, Che Sakri Che Dir berkata, ketika berniaga di Jalan PUJ 3/3 dan Jalan PUJ 3/7, jualannya jatuh mendadak sehingga sukar mendapat hasil RM100 sehari.

"Tambahan pula persekitaran di sana sangat teruk kerana banyak nyamuk dan bau sampah yang agak busuk, jika hujan air naik sehingga banjir.

"Kemudahan tandas juga tiada berbanding di lokasi ini kerana kami boleh menggunakan tandas di kedai dan surau berdekatan," katanya.

Beliau berkata, pegawai MBSJ akan datang ke tapak peniaga di Jalan PUJ 3/13 sebanyak dua kali sebulan dan dikenakan kompaun RM50 dengan jumlahnya meningkat menjadi RM1,000 jika melebihi tempoh ditetapkan.

"Majoriti peniaga gerai ini adalah Melayu dan ini sumber rezeki kami. Tindakan saman dan kompaun itu seolah-olah menakutkan kami kerana ada kedai makan milik warga asing yang meletakkan kerusi meja di kawasan parkir tidak diganggu," katanya.

Peniaga air kelapa, Muhammad Sayuti Muti pula berkata, beliau menjual kurang 20 biji kelapa sehari ketika berniaga di tapak diberikan MBSJ itu berbanding lokasi asal ini yang terjual lebih 80 biji kelapa sehari.

"Setakat ini saya sudah dua kali dikompaun, bagi saya lebih baik disaman daripada berniaga di lokasi pemindahan MSBJ yang tidak dikunjungi pelanggan itu," katanya.

Sementara itu, usaha BH untuk mendapatkan maklum balas daripada Datuk Bandar MBSJ, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim, masih tiada jawapan, manakala pegawai Unit Komunikasi MBSJ pula memaklumkan mereka perlu menyemak perkara itu yang akan mengambil sedikit masa.

TAX INCENTIVES

> Kuala Lumpur City Hall will have a lucky draw to reward prompt assessment tax settlement. To be eligible, ratepayers must update their email and phone numbers and settle their payment for the year by Feb 29.

> Lucky draw prizes await those who settle their assessment tax at Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) before Feb 29. For details, visit www.mpaj.gov.my

> Property owners in Petaling Jaya settling their assessment tax online before Feb 29 are eligible for a lucky draw. Winners will be announced on Petaling Jaya City Council's Facebook page. Winners are required to collect their gifts within a month of the announcement. For details, call 03-7956 3544 ext 102/103/108/109.

THE STAR

Tarikh:.....14 FEB 2024

CAR FREE DAY

Shah Alam City Council (MBSA) will hold its Car Free Day on Feb 18, from 7am to 1pm at Dataran Kemerdekaan, Section 14, Shah Alam. MBSA is collaborating with Persatuan Pakar Perubatan Keluarga Selangor to offer free activities for visitors such as health screening, exhibition and counselling.

THE STAR

1 4 FEB 2024

Tarikh:.....

DBKL flats to be inspected after fire incident

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The Fire and Rescue Department will form a taskforce to carry out comprehensive inspections at all Kuala Lumpur City Hall flats, says its Kuala Lumpur director Muhammad Salleh Abdul.

He also said initial findings found that the cause of the fire at Block 70 of the Sri Sabah flats in Cheras was not firecrackers but was due to wiring issues.

On the taskforce, Muhammad Salleh said it would lay out suggestions needed for the current system at the DBKL flats.

"We will look at the outcome from the taskforce but looking at the fire incident (at Block 70 of the Sri Sabah flats in Cheras), there is a need for an upgrade of the system," he said when met at SK Sri Cheras yesterday.

On Saturday night, a total of six houses on the 17th floor of Flat Sri Sabah were burnt, leaving 16 residents homeless.

On the cause of the fire, Muhammad Salleh said initial forensic investigations found that the fire originated from the electrical wiring distribution board of Unit 3 on the 17th floor.

"Claims that firecrackers were the cause of the fire are not true. We believe the fire started with the electrical wiring of the distribution box," he said.

On claims of faulty fire hydrants, he said the department had established that it was not the hydrant but the hose reel system, which could not be used.



The aftermath: Initial findings found that the cause of the fire at Block 70 of the Sri Sabah flats in Cheras was not firecrackers but wiring issues, says Muhammad Salleh. — WILLIAM GARY/The Star

He also pointed out that the fire hydrant was functioning, but the pressure was low in the area.

"We had to use our machinery and another pump from the 15th floor manually," he said.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories), Dr Zaliha Mustafa, said families who lost their homes in the fire would be given transit houses by City Hall.

She said the affected families would receive cash assistance totalling RM7,300 each,

which was contributed by the Federal Territories Department (RM5,000), DBKL (RM1,000), Bandar Tun Razak's parliamentary office (RM1,000), and Welfare Department (RM300).

The families would also be given essential items such as rice cookers, toiletries and other daily necessities, she said.

She also said that DBKL would help repair units affected by the fire.

Earlier, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan

Ismail, who is Bandar Tun Razak MP, accompanied Dr Zaliha, Women, Family, and Community Development deputy minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Kuala Lumpur Mayor Kamarulzaman Mat Saleh and Cheras MP Tan Kok Wai, as they met the displaced families and surveyed the damages.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR

14 FEB 2024

Tarikh:.....

'Upgrade old facilities at public housing'

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

RESIDENTS of the Seri Sabah public housing (PA), off Jalan Ikan Ayu in Kuala Lumpur are adamant that safety precautions be made a priority at the high-density housing area following a fire there on Sunday.

Several residents said the old wiring and haphazard parking situation were a cause for concern as the blaze destroyed six units at Block 70.

One affected resident Law Pui Yee, 32, said the authorities need to urgently look into upgrading the facilities at the ageing buildings.

"There have been smaller fires here before but this is the worst. Ours was particularly bad as the ceiling of the units at the highest floor is made of highly flammable wood.

"It is a total loss for me. All important documents, furniture and clothing were destroyed in the fire," she told *StarMetro* yesterday when met in SK Seri Cheras, the temporary relief centre the fire victims were housed at.

"The timing is particularly devastating as it was the second day of Chinese New Year," she said, adding that she and her parents had been living in PA Seri Sabah for 30 years.

Law was, however, glad no one was hurt.

Joe Boy Joseph, 60, another affected resident, said the fire extinguishers and hose reels need to be in working condition.

He said there would have been minimal damage if the fire safety equipment was properly maintained.

"At least then we could have saved some of our belongings.

"We had just reached Kuala Lumpur after a trip to Melaka and stopped for dinner when I got a call about the fire," said Joseph who was staying at the relief centre while his wife and four children were with relatives.

Hassan Yeop Yshoib, 68, who

Cheras flat fire victims lament loss of property, documents on second day of Chinese New Year

had lived at PA Seri Sabah since 1985, said the infrastructure at ageing buildings need to be replaced, such as wiring, water pipes and lifts.

"Otherwise, we may see more incidents like this."

Mohd Hazim, 25, said the fire could have been put out faster if there had been better access for the firefighters.

"It took a bit of time for the firefighters to come into the area as the access roads were partially blocked by vehicles.

"Double-parking is a common sight as there are not enough parking bays here," he said, adding that a multilevel carpark built by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) was not enough to cater to the number of vehicles there.

Perumahan Awam (PA) Seri Sabah 3B Residents Association chairman Zainal Abidin Abdul Wahab hoped the incident would be a trigger for positive changes among the authorities and residents.

He was glad that Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail had asked DBKL to upgrade the facilities there by next year.


"This will involve rearranging the parking and hopefully other safety measures.

"I also hope the residents will change their mindset and take better care of the area," he said, adding that there were 1,020 units at the public housing.

Kuala Lumpur Fire and Rescue Department director Muhammad Salleh Abdul said according to the department's initial forensic investigations, there was almost a 95% chance that the fire was caused by a electrical wiring distribution board at the 17th floor.

Each displaced family was provided cash aid of RM7,300 as well as counselling services.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal



Six units of Block 70 at the 17th floor of PA Seri Sabah were destroyed in a fire. — Photos: LOW LAY PHON and WILLIAM GARY/The Star



(From left, standing) Dr Wan Azizah, Tan and Dr Zaliha meeting with Joseph (seated) and other fire victims at the temporary relief centre.

Territories) Dr Zaliha Mustafa said RM5,000 was allocated to each family by the Federal Territories Department and RM1,000 from DBKL.

Dr Wan Azizah's office contributed another RM1,000 while the Women, Family, and Community Development Ministry, through the Social Welfare Department contributed RM300.

Deputy Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini

Ahmad said two counsellors were on standby to aid the victims.

"They have gone through a traumatic experience, so we will provide help if needed.

"Basic necessities and food are also being provided while they are at the relief centre," she told reporters after a site visit.

Also present were Kuala Lumpur mayor Datuk Kamarulzaman Mat Salleh, Dr Wan Azizah and Cheras MP Tan Kok Wai.

THE STAR

14 FEB 2024

Terikh:.....

Minister pushes for nationwide fire hydrant checks

By **MANJIT KAUR**
manjitt@thestar.com.my

IPOH: A massive operation to check the 400,000 fire hydrants in the country must be carried out to ensure their functionality especially during emergencies, says Nga Kor Ming.

The Housing and Local Government Minister said he had instructed the Fire and Rescue Department director-general Datuk Nor Hisham Mohamad to look into the matter urgently.

He said this exercise is impor-

tant, especially during emergencies, to avoid instances in which the hydrants were not working or functioning properly.

Nga said there were a total of 351,000 hydrants belonging to the government, and 65,000 which came under the private sector.

"We have enough fire hydrants. In Perak alone, there are 45,000 hydrants. But it is important to carry out checks often to see if the hydrants are indeed working properly," he told reporters yesterday after visiting the Pasir Puteh wet market near here that

was razed in a fire.

Nga said there are scheduled checks being carried out by the 337 fire stations nationwide.

"But from now, efforts must be intensified to make sure that the pressure from the hydrants is adequate.

"I have asked the director-general Datuk Nor Hisham Mohamad to look into the matter and to carry out the operation," he said.

Nga also urged everyone to be on the alert about the risk of fires especially with the hot weather

these days.

He also suggested that owners of old buildings, especially those that were at least 50 years old, to take measures to ensure that the wiring system is checked regularly.

"Humans need to carry out medical check-up; aged buildings need regular checks as well. After 30 years, the wiring system has a risk of catching fire," he added.

On the blaze in Pasir Puteh here, he said about 90% of the structure of the 67-year-old market was damaged during a fire at midnight yesterday.

THE STAR

Tarikh: 1 4 FEB 2024

Concerns over location of telco tower

TELECOMMUNICATION towers are supposed to be a boon because they provide better network coverage to residents in and around the area where they are located.

But if they are constructed haphazardly and without factoring in the well-being of the residents living nearby, they are a bane.

This was aptly reflected in the *StarMetro* report "Residents to meet DBKL tomorrow over telco tower construction" (*The Star*, Jan 2).

In fact, this present construction involves the relocation of a telco tower that was once located in front of a bungalow (pic) and had been removed at the house-owner's behest.

As the new site is located in the same area, it has again drawn the ire of the residents.

Apart from complaining about the radiation problem, the residents claim that the distance between a telco tower and property should be 10m from the edge of the property instead of from where the house is built.

But either way, it would still be too close for comfort and also a blot on the landscape, wouldn't it?

Residents of Gold Coast Resort Penang are also having an issue with a telco tower, which was erected sometime in December 2022 on the narrow strip of land between a cycling track along the shore and the condominium's perimeter wall.

To make matters worse, there's also a generator at the foot of the tower with its engine running non-stop. The rumble of the engine and its obnoxious toxic fumes are causing noise and air pollution that seriously affect the health and well-being of the residents nearby.

The worst hit are units within spitting distance of the tower.

Ironically, these units once enjoyed the best of both worlds – close sea view and fresh sea air.

But now, residents of these units have to keep their doors and windows shut day and night.

According to a Google search, an Egyptian study confirmed that residents living near a telco tower are at increased risk of developing headaches, memory deficits, dizziness, depression and sleep problems.

Residents affected by telco tow-

ers are therefore not only living in fear of the possible harmful effects of radiation, but the value of their property would also inescapably drop simply because no one would ever consider buying a property with a tower sticking out like a sore thumb right in front of them.

Granted, telco towers are necessary in certain areas. But shouldn't the authorities spare a thought for the plight of the people by having them sited as far away as possible from residential areas?

If that isn't possible, the authorities should perhaps seriously consider doing away with them as they would do more harm than good to the residents.

Ultimately, the authorities could also consider having telecommunications towers painted in green in order to make them look like part of their surroundings, like what was done at Universiti Sains Malaysia.

By doing so, the presence of these unsightly telco towers would not only seem less of an eyesore but also more acceptable to the residents.



WJ

CK CHAI
Penang

THE STAR

rikh:.....1 4 FEB 2024

DBKL sediakan rumah transit

SH 14/2 (DBKL)

Lima keluarga terjejas dibenarkan diami rumah itu antara enam bulan hingga tiga tahun

Oleh NORAFIZA JAAFAR dan NORMAWATI ADNAN
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menyediakan rumah transit bagi menempatkan lima keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Flat Sri Sabah, Cheras pada Ahad.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, rumah transit di Flat Sri Johor, Cheras itu boleh diduduki mulai



Dr Zaliha (tengah) ketika membuat lawatan ke Flat Sri Sabah, Cheras pada Selasa.

Khamis ini.

Menurutnya, mangsa dibenarkan mendiami rumah transit itu antara enam bulan hingga tiga tahun.

"Kita benarkan sehingga enam bulan bagi mangsa yang memiliki rumah sendiri sementara penyewa pula sehingga tiga tahun.

"DBKL juga akan mengambil tanggungjawab membaiki kerosakan di luar rumah manakala bahagian dalam rumah pula di atas tanggungjawab pembeli sendiri," katanya pada Selasa.

Beliau ditemui ketika melawat mangsa kebakaran yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah

Kebangsaan (SK) Sri Cheras.

Dr Zaliha berkata, setiap keluarga terjejas menerima wang tunai disumbangkan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sebanyak RM5,000, DBKL (RM1,000), pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak (RM1,000) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300.

Ujarnya, bantuan telah disalurkan sejak Isnin merangkumi keperluan harian antaranya peralatan mandian dan toalet serta periuk nasi.



Tambahnya, JWP bersedia bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi meningkatkan aspek penyelenggaraan sistem penggera kebakaran dan keselamatan di perumahan awam DBKL.

"Pemeriksaan perlu dilakukan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

"Suka juga saya ingatkan kepada penduduk dan orang

awam supaya sama-sama menjaga harta awam.

"Kita bimbang pada waktu kecemasan, alat pemadam api tidak boleh digunakan kerana rosak yang mungkin disebabkan vandalisme," katanya.

Sementara itu di IPOH, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming telah mengarahkan JBPM untuk melakukan pemeriksaan dan ujian keberkesanan pili bomba bagi memastikan kemudahan itu berfungsi dengan baik sekiranya berlaku kebakaran.

Menurutnya, pemeriksaan itu penting untuk mengelak risiko kebakaran lebih tinggi terutama pada musim panas yang melanda negara ketika ini.

Ujarnya, pada masa ini, terdapat 410,000 pili bomba di seluruh negara membabitkan 351,000 pili kerajaan dan 65,000 lagi milik swasta.

"Saya telah keluaran arahan kepada Ketua Pengarah JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad hari ini (Selasa) supaya semua 337 balai bomba melakukan operasi besar-besaran.

"Memang sebelum ini balai ada jalankan pemeriksaan mengikut rutin dan berjadual, cuma usaha ini akan diperhebatkan lagi untuk pastikan pili bomba berfungsi ketika waktu kecemasan," katanya kepada pemberita ketika melakukan lawatan kerja ke Pasar Pasir Puteh di sini.



Laporan Sinar Harian pada Selasa.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.4.FEB.2024.....



ORANG ramai dinasihatkan untuk mengehadkan tempoh berada di luar bangunan ketika cuaca panas. - GAMBAR HIASAN

KOSMO 14/2

Cuaca panas dijangka hingga hujung Mac

PETALING JAYA - Cuaca panas yang melanda ketika ini adalah disebabkan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga penghujung Mac depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah berkata, dalam tempoh tersebut litupan awan dan taburan hujan kelazimannya adalah kurang di kebanyakan tempat, terutamanya di kawasan utara Semenanjung termasuk Perak, Pahang dan Kelantan.

Katanya, ketiadaan hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan.

"Cuaca panas yang dialami ketika ini adalah satu fenomena berulang yang berlaku saban tahun pada setiap Februari hingga Mei.

"Dalam tempoh ini, suhu maksimum harian boleh melebihi 35 darjah Celsius pada

awal petang," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, setakat ini, suhu tertinggi yang dicatatkan oleh stesen meteorologi utama Met-Malaysia adalah 36.9 darjah Celsius iaitu di Chuping, Perlis pada 8 Februari lalu.

"Berikutan fenomena El Nino kuat yang sedang melanda dunia ketika ini, dijangka suhu maksimum harian di negara kita boleh menjadi lebih tinggi di kebanyakan tempat.

"Dalam keadaan cuaca panas, semua pihak dinasihatkan supaya mengambil langkah penjimatan untuk penggunaan 'air,' ujarnya.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengehadkan tempoh berada di luar bangunan bagi mengelak terdedah kepada cuaca panas.

"Ikuti saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengekalkan keadaan sihat semasa cuaca panas.

"Met-Malaysia sentiasa memantau keadaan cuaca di seluruh negara," tambahnya.

KOSMO

Tarikh: 14 FEB 2024

Kaji impak pelbagai aspek sebelum mansuh pencen penjawat awam

● Jika keputusan memansuhkan pencen boleh memberikan impak negatif kepada pengurusan dan operasi sektor awam, seluruh rakyat juga akan terkesan akibat operasi terganggu

● Mansuh skim pencen dibimbangi melahirkan 'Generasi Sandwich' iaitu generasi muda bekerja harus menanggung beban kewangan ibu bapa dan pada masa sama harus mengurus wang bagi anak sedang membesar



Pensyarah Kanan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya

Oleh Dr Safiah Omar
bhrencana@bh.com.my

Cadangan pemansuhan skim pencen penjawat awam dan ditukar kepada skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) antara lain bermatlamat mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan. Ia berikutan unjuran kerajaan bagi tujuan pembayaran pencen saja dijangka meningkat sehingga RM120 bilion pada 2040.

Walaupun masih pada peringkat cadangan, perancangan strategi jangka panjang perlu dilakukan sebelum keputusan ini dimuktamadkan. Perkara utama perlu diambil kira adalah tujuan utama sesebuah organisasi di sektor awam diwujudkan. Setiap Kementerian, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan perbadanan awam mempunyai fungsi tersendiri penting memberikan khidmat awam.

Setiap perkhidmatan sentiasa diberi penambahbaikan selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan keperluan rakyat. Segala aspek pengurusan berkaitan kesejahteraan negara berada di bawah tanggungjawab semua organisasi di bawah sektor awam.

Oleh itu, setiap perjawatan sektor awam mempunyai kepentingan dalam memastikan segala urusan berkaitan perkhidmatan negara sama ada dalam aspek kesihatan, keselamatan, pendidikan, ekonomi, kebajikan, persekitaran dan sebagainya sentiasa stabil serta mampu menjaga kesejahteraan negara dan rakyat.

Justeru, keputusan untuk memansuhkan sistem pencen penjawat awam perlu mengambil kira sama ada ia akan memberi kesan negatif kepada kestabilan organisasi sektor awam terbabit.

Jika keputusan ini memberikan impak negatif kepada pengurusan dan operasi sektor awam, seluruh rakyat juga akan terkesan jika operasi perkhidmatan terganggu. Impak dimaksudkan adalah termasuk dari segi sosioekonomi, psikologi dan komuniti dalam negara.

Pertama, kesan sosioekonomi akan dilihat dalam jangka masa panjang iaitu selepas penjawat awam bersara. Pengurusan kewangan individu yang masih lemah boleh menyebabkan pesara KWSP kehabisan wang saraan mereka dalam tempoh singkat. Sistem KWSP membolehkan pengeluaran wang secara berperingkat tetapi dalam jumlah yang besar.

Tanpa wang saraan mencukupi terutama pada usia 60 tahun dan ke atas, pesara kerajaan akan terpaksa bergantung kepada anak bekerja. Kesan ini menyebabkan keadaan sosioekonomi rakyat berubah akibat bebanan terpaksa ditanggung golongan muda. Kesan ini dikenali sebagai 'Generasi Sandwich' menyebabkan generasi muda bekerja harus menanggung beban kewangan ibu bapa mereka

dan pada masa sama harus membelanjakan wang menanggung anak sedang membesar.

Kesetiaan penjawat awam berkurangan

Keadaan ini boleh memberi kesan kepada ekonomi yang mana pendapatan boleh guna sesebuah keluarga berkurang menyebabkan kuasa beli individu menurun. Jika rakyat kurang berbelanja, maka kitaran ekonomi negara akan menjadi kecil.

Kedua, kesan psikologi boleh dilihat dari segi kesetiaan penjawat awam berkurangan kerana tiada ikatan untuk mereka menukar kerja pada bila-bila masa. Sektor swasta akan dilihat lebih menarik kerana faktor gaji lebih tinggi, bonus dan pakej faedah lebih baik terutama kepada pekerja berkemahiran tinggi.

Kesan psikologi juga boleh dilihat dari segi kesihatan mental dan motivasi pekerja. Kerisauan penjawat awam dalam memikirkan nasib mereka di usia persaraan menyebabkan motivasi untuk bekerja boleh terjejas. Malah, perkara ini boleh menyebabkan mereka mempunyai simptom keletihan bekerja yang tinggi menyebabkan faktor emosi dan kesihatan mental terganggu.

Sebenarnya, golongan Generasi Y yang akan mula bekerja ini ada yang sudah pun menjadi sebahagian dari 'Generasi Sandwich', terpaksa menanggung ibu bapa dan anak mereka pada waktu sama.

“Pemansuhan pencen mungkin dilihat sebagai penyelesaian bebanan kewangan negara, tetapi banyak lagi faktor lain akan terkesan dengan keputusan berkenaan”

Sudah tentu keadaan ini memberi impak negatif kepada keadaan psikologi dan boleh menjejaskan kesihatan mental mereka.

Oleh itu, penjawat awam yang baru dilantik perlu diberikan jaminan sistem persaraan mampu memberi kehidupan baik apabila mereka bersara kelak.

Faktor ketiga iaitu kesan kepada komuniti dan ekosistem boleh terjadi apabila sektor awam tidak mempunyai pekerja mahir mencukupi atau kesan daripada kitaran pemberhentian kerja dan pelantikan jawatan baharu terlalu tinggi.

Kesan ini dijangka dapat dilihat terutama dalam sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Pekerja mahir seperti doktor, jururawat, guru atau pensyarah, serta pegawai teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) boleh memilih untuk bekerja dengan sektor swasta atau bekerja di luar negara bagi mengejar pakej faedah lebih tinggi.

Bagi sektor keselamatan pula seperti bomba dan penyelamat, adakah mereka akan terus bekerja dengan gaji lebih rendah tetapi memerlukan kekuatan mental dan fizikal setiap hari dalam melaksanakan pekerjaan mereka serta berdepan berbahaya. Keadaan seperti ini meletakkan proses dan kestabilan sektor awam berdepan pelbagai risiko.

Kesimpulannya, perancangan strategi merangkumi segala aspek sosioekonomi, psikologi dan kesejahteraan komuniti perlu diberikan keutamaan dalam memuktamadkan sebarang cadangan pemansuhan skim pencen.

Pemansuhan pencen mungkin dilihat sebagai penyelesaian kepada bebanan kewangan negara, tetapi banyak lagi faktor lain akan terkesan dengan keputusan berkenaan.

Maka, strategi untuk mengurangkan bebanan kewangan negara perlu diteliti dengan lebih lanjut dan apakah terdapat penyelesaian lain boleh membantu bagi memastikan penjawat awam baharu dilantik tidak terbeban dengan skim persaraan mereka.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



BERITA HARIAN
Tarikh..... 14 FEB 2024.....

DEEP nilai prestasi penjawat awam

BH 14/2

Kaedah penilaian bermula mata 100 peratus dan demerit dikenakan jika gagal capai objektif

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bermula serta-merta, prestasi penjawat awam, khususnya ketua jabatan akan dinilai menerusi kaedah baharu, Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP).

Penilaian bermula dengan mata 100 peratus dan bagi setiap kegagalan mencapai objektif prestasi, akan dikenakan demerit. Akhirnya, jumlah terkumpul akan digunakan bagi penilaian kepimpinan dan petunjuk prestasi utama (KPI).

Bagi fasa pertama, fokus DEEP adalah kepada indikator generik, iaitu yang pertama, laporan bulanan progresif berdasarkan komitmen-komitmen dan ketua setiausaha (KSU) atau ketua pengarah (KP) dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Mengumumkan demikian, Mohd Zuki berkata, laporan penilaian prestasi yang ada antaranya sebelum ini dibuat secara 'pukul rata', kemudian akan diangkat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"DEEP ini, mula-mula kita bagi 100 peratus. KSU, KP, kita bagi markah penuh dulu sebelum demerit. Katakan dia tak capai KPI atau tugas gagal dilaksanakan, kita akan potong markah dan perkara ini JPA sokong dan akan melaksanakannya. Kita akan buat serta-merta.

"Penilaian bukan hanya pada peringkat KSU atau KP sebaliknya ketua jabatan, pegawai penilai turut diminta membuat perkara sama untuk memastikan penilaian yang dibuat mencapai objektif, adil serta bersifat progresif," katanya pada Majlis Amanat KSN 2024, di sini semalam.

Indikator generik kedua, kata Mohd Zuki ialah jumlah libat urus atau 'engagement' bersama pemegang taruh dan pelanggan melalui pelbagai platform, termasuk dengan media.

"Semua ketua jabatan akan bermula dengan mata 100 peratus. Tiada 'judgement' atau sangkaan, semua adil dan saksama. Namun, bagi setiap kegagalan untuk mencapai objektif prestasi, akan di-



Mohd Zuki bercakap kepada pemberita selepas Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara 2024 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

kenakan demerit. Akhirnya, jumlah terkumpul akan digunakan bagi penilaian kepimpinan dan KPI ketua jabatan.

"Bagaimanapun, kaedah ini bukanlah untuk menghukum ketua jabatan. Oleh itu, saya minta ada juga kaedah untuk mengimbangkan demerit yang dikenakan ini. Untuk itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menjadi penyelaras utama bagi keseluruhan pelaksanaan DEEP," katanya.

Aspek pelaksanaan dasar

Keutamaan lain, katanya, adalah aspek pelaksanaan dasar dan penyampaian perkhidmatan selaras keputusan dicapai kerajaan pada sesi pemukiman Jemaah Menteri baru-baru ini yang bersejua supaya fokus baharu 2024 adalah berdasarkan enam bidang fokus keutamaan (KPA).

Enam bidang itu ialah nilai dan akhlak; menamatkan kemiskinan; reformasi pendidikan; reformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); perlindungan sosial dan kerterjaminan makanan.

"Pelaksanaan kesemua KPA sudah tentu memerlukan sinergi dan kerjasama secara pendekatan 'whole of government' dan 'whole-of nation'. Dalam konteks 'whole of government', kita telah mulakannya menerusi pasukan STAR (Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam).

"Banyak proses, prosedur telah dipermudahkan melalui pereka-yasaan semula kerja, merentas kementerian dan agensi. Antaranya inisiatif kurangkan kesesakan pesakit di hospital kerajaan, pembangunan sekolah daif dan beberapa projek lain. Akan datang, projek penyelenggaraan kuarters," katanya.

Bermula tahun ini juga, Mohd Zuki berkata, beliau ingin mengetengahkan pendekatan unik yang boleh dilaksanakan berdasar-

kan pendekatan *whole of nation*.

"Pertama, menjadikan penglibatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai sebahagian daripada strategi pelaksanaan bersama, bukan sekadar buat CSR (tanggungjawab sosial korporat) atau khidmat sosial semata-mata.

"Kedua, meletakkan peranan strategik GLC dalam pelaksanaan Ekonomi MADANI dan enam KPA dipersetujui Jemaah Menteri. Untuk tahun ini, saya mahu penglibatan GLC lebih menyeluruh, lebih-lebih lagi dalam usaha merealisasikan agenda Malaysia MADANI," katanya.

Beliau turut meminta setiap ketua jabatan untuk terus memikirkan idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif, contohnya memperkenalkan penggunaan kad debit bantuan bersepadu untuk rakyat, membabitkan semua kementerian dan agensi kerajaan.

Pada awal ucapan, Mohd Zuki berkata, beliau tidak bercadang memperkenalkan prinsip baharu pada tahun ini, sebaliknya menumpukan pencapaian semasa perkhidmatan awam dalam konteks sejauh mana falsafah 'GREAT' dihayati dan memberi impak.

"Setakat mana *The GREAT Civil Service* menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI? Saya sendiri telah membuat sedikit kajian ringkas berkenaan perkara ini, bertanya kepada KSU, KP, beberapa soalan yang saya kira berkait.

"Daripada 39 KSU, KP sedia ada, 31 telah menjawab, terima kasih saya ucapkan, lapar orang lagi tak jawab, mungkin sedikit sibuk. Senarai nama yang tak jawab pun saya ada.

"Berdasarkan kajian ringkas ini, lebih 90 peratus bersetuju warga kementerian memahami sepenuhnya falsafah Malaysia MADANI dan prinsip GREAT, ada segelintir yang tidak pasti (sama ada) faham atau tidak warganya (kakitangan) mengenai Malaysia MADANI ini," katanya.

Cuaca panas melebihi 35 darjah sehingga Mei

vm 14/2

Oleh NUR AIMI HAZIRAH
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Fenomena El Nino yang menyebabkan cuaca panas dan kering dengan suhu harian di kebanyakan tempat melebihi 35 darjah Celsius diramalkan berterusan sehingga Mei ini.

Ketua Pengarah, Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah berkata, berikutan fenomena El Nino kuat yang melanda dunia pada ketika ini, suhu maksimum harian di Malaysia juga boleh menjadi lebih tinggi di kebanyakan tempat.

Katanya, dalam tempoh dari Februari hingga Mei, suhu maksimum harian boleh melebihi 35 darjah Celsius pada awal petang.

"Ketiadaan hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan.

"Semua pihak dinasihatkan supaya mengambil langkah penjimatan dalam penggunaan air selain orang ramai juga dinasihatkan untuk hadkan tempoh berada di luar bangunan bagi mengelakkan pendedahan kepada cuaca panas," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Met Ma-



Ketiadaan hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan."

**MUHAMMAD HELMI
ABDULLAH**

aysia juga meramalkan cuaca kering dan panas berlaku di negeri-negeri utara Semenanjung dengan suhu melebihi 35 darjah Celsius.

Menurut Met Malaysia, ribut petir dan hujan lebat beserta angin kencang pula masih berpotensi berlaku di beberapa tempat di kawasan pedalaman dan barat Semenanjung, Sabah serta Sarawak.

Sementara itu, bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perubatan kesihatan awam Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, pendedahan kepada kepanasan melampau boleh

mengakibatkan strok haba sehingga berisiko kematian.

Katanya, antara gejala strok haba yang perlu dikenalpasti adalah pening, kekejangan, pengsan, peningkatan suhu badan dan badan tidak mengeluarkan peluh.

"Elakkan berada di bawah panas dalam masa yang lama, elakkan aktiviti melampau di luar rumah.

"Pakai baju putih dan tidak ketat, minum banyak air dan memakai pelindung matahari ketika menaiki kereta atau motor," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Sharifa Ezat berkata, kanak-kanak di bawah umur lima tahun dan pesakit dengan komorbid tinggi terutama warga emas merupakan golongan yang lebih berisiko untuk terjejas akibat cuaca panas.

"Gelombang haba ini akan meneruskan kes-kes yang tinggi komorbid dan juga jika mangsa mempunyai isu kesihatan lain," katanya.

Dalam pada itu, mengulas tentang fenomena itu menjelang pembukaan sekolah dan bulan Ramadan, Sharifa Ezat berkata, anak-anak perlu dididik untuk tidak bersukan di luar rumah waktu panas selain penjagaan guru di sekolah semasa subjek pendidikan jasmani.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 14 FEB 2024

UM 14/2

Kontrak penjawat awam baharu mungkin setahun

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kini dalam peringkat akhir kajian pelaksanaan Skim Pencen Penjawat Awam sebelum ia dibawa ke jemaah menteri untuk dimuktamadkan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, buat masa ini, tiada sebarang keputusan diambil berhubung skim itu, termasuk untuk menggantikannya dengan kaedah lain.

Menurutnya, ketika ini Su-

ruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) diberikan peruntukan untuk melantik penjawat awam baharu secara kontrak dahulu, mungkin setahun atau setahun setengah.

"Jadi, kalau JPA tidak keluarkan arahan, dikhuatiri masih kekal melantik secara tetap dan berpcen dan ia tidak mencapai maksud apa yang nak kita kaji.

"JPA kini di peringkat akhir kajian dan akhirnya kerajaan akan meneliti atau membuat keputusan berdasarkan apa yang dipertuskan," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat KSN Tahun 2024 di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, kerajaan akan melaksanakan pengambilan penjawat awam secara lantikan kontrak sehingga inisiatif kaedah lantikan baharu diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam di negara ini.

Ketika ini, inisiatif kaedah baharu itu dalam fasa pindaan kepada undang-undang berkaitan, juga dilihat mampu mengurangkan tanggungan fiskal negara dalam tempoh jangka masa panjang.

Sebelum ini juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar

Ibrahim memaklumkan, Laporan akhir kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) akan dimuktamadkan dalam tempoh dua bulan ini sebelum dibawa ke mesyuarat jemaah menteri untuk diputuskan.

Beliau dilaporkan berkata, mesyuarat pelaksanaan pelarasan gaji itu sudah dimulakan dan akan dipercepatkan terutama di peringkat Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

"Alhamdulillah, proses itu lebih cepat dari saya jangka dan ia akan diimbangi dengan keupayaan kita," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: **14 FEB 2024**

Pemilu: Dasar pembangunan Nusantara beri kelebihan kepada Malaysia

UM 14/2

PETALING JAYA: Pilihan Raya Umum (Pemilu) 2024 menyaksikan dasar-dasar yang diperkenalkan Presiden Joko Widodo termasuk Nusantara di Kalimantan Timur tidak berubah meskipun republik itu bakal menerima ketua kerajaan baharu.

Malah dasar hubungan luar hala termasuk dengan Malaysia tidak terkesan dengan bakal presiden baharu yang bakal dipilih oleh hampir 205 juta pengundi Indonesia pada hari ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, geostrategis tanah air, Dr. Azmi Hassan berkata, Pemilihan Pilihan Raya Presiden (Pilpres) tidak pernah bergantung kepada dasar calon-calon presiden; Anies Baswedan, Prabowo Subianto dan Ganjar Pranowo.

Katanya, hal ini kerana den-

gan mengambil kira kempen ketiga-tiga calon presiden, mereka ada menyatakan semua dasar-dasar Jokowi akan diteruskan.

"Cuma kalau nak dikaitkan dengan Malaysia, dasar luar Indonesia atau dasar luar ekonomi berkait Indonesia mungkin ada sedikit perbezaan jika Anies dilantik menjadi presiden.

"Misalnya Anies berjanji projek Nusantara akan diubah suai sedikit berbanding Prabowo dan Ganjar yang tidak banyak menyebut tentang perubahan projek tersebut sama ada akan diteruskan seperti mana visi Jokowi atau tidak.

"Nusantara penting kepada kita sebagai rakan ekonomi untuk meraih manfaat projek pembangunan besar," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 14 FEB 2024

Widespread **illegal dumping** serious problem nationwide

► Need for stricter enforcement, more investment in waste management and awareness among public: NGO chief

■ BY RAVEEN AINGARAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Illegal dumpsites and dumping in Malaysia are so widespread that it has become a serious problem across the country, said NGO Environmental Protection Society Malaysia president Nithi Nesadurai.

High-populated urban areas, regions with insufficient waste collection facilities, and areas under intense development are particularly affected due to the disposal of high amounts of construction waste.

"In 2023, 59 illegal dumpsites were identified in Putrajaya. Between 2017 and 2022, Johor Bahru and Iskandar Puteri in Johor reported 257 and 101 illegal dumpsites respectively," Nithi said.

On Feb 5, Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming said the closure of 2,093 illegal dumpsites in 2023 incurred an estimated clean-up cost of RM1.6 million.

The operation spanned seven states, resulting in the removal of 6,410 tonnes of waste within a year of the government's tenure.

Nga stressed on the gravity of the issue and attributed it to a lack of civic-consciousness among the people, irresponsibility among some sections of society, and the involvement of waste removal cartels.

Acknowledging the seriousness of the problem, he highlighted the need for stricter law enforcement.

"Notably, the Solid Waste



Nithi said illegal dumpsites cause extensive environmental repercussions, affecting ecosystems, wildlife and public health, while solid waste contains elevated levels of hazardous materials. — AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

Management and Public Cleansing Corporation carried out 1,082 operations to address 2,093 landfill sites, while 15 illegal dumpsite cases led to convictions in court, with fines totalling RM168,000."

Nithi said the environmental repercussions linked to illegal dumpsites are extensive, particularly concerning ecosystems, wildlife, and public health, adding that the solid waste at these sites contains elevated levels of organic matter and hazardous materials.

The pollutants have the potential to contaminate soil and groundwater, posing a significant threat to nearby water bodies.

"Downstream water intakes are affected as a result, presenting health hazards for individuals in direct contact with the contaminated water, even when pollutants are not visibly apparent."

"The disposal of organic waste at these sites attracts wildlife seeking sustenance. But eating waste material impacts the animals' health, which would lead to increased pest infestations and ultimately causes cross-transmission of diseases from animals to humans."

Nithi also said the unsightly

nature of illegal dumpsites becomes evident as wind disperses waste over larger areas, emitting a stench and discomfort among residents in the vicinity.

"The associated clean-up costs further underscore the challenges posed by these illegal dumpsites," he said.

However, Nithi said the authorities have a tough time addressing illegal dumping as the perpetrators prefer to avoid forking out money to fully dispose of industrial waste. There is also inadequate waste collection and low awareness leading to domestic waste dumping.

He said limited resources hinder the effective monitoring of large and isolated dumpsites.

To address such challenges, Nithi called for increased investment in waste management and facilities.

"There must also be regular waste collection, monitoring equipment, human resources, and awareness campaigns for residents."

To improve the strategy against illegal dumping, Nithi said the government must ensure that local authorities implement the Local Agenda 21 (LA21) programme.

LA21 is a voluntary community

consultation process aimed at creating local policies and programmes that work towards achieving sustainable development. It encompasses awareness raising, capacity building, community participation and the formation of partnerships.

He said the collaboration can be achieved through consistent consultative processes on ecological sustainability, institutionalised within every local authority in the country.

To combat illegal dumpsites, Nithi said the government should focus on imposing fines to deter offenders, along with enhanced monitoring and strict enforcement.

"Strengthening enforcement involves collaborative efforts between local authorities, NGOs, community organisations and the public, encouraging them to serve as additional monitors."

"Stakeholders can actively contribute by assisting in monitoring, documenting, and reporting evidence of illegal dumpsites to the local authorities, thereby facilitating more effective enforcement against illegal dumping and the proliferation of illegal dumpsites," he said.